

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld3 (20)

Tarikh : 14 Januari 2021

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2021

#### PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET: TEMPOH TRANSISI PEMATUHAN STANDARD TVET DALAM KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM TVET (CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION, COPTPA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, Pekeliling MQA Bil. 10/2019 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA) bertarikh 30 Ogos 2019 dan Pekeliling MQA Bil. 6/2020 – Pemakaian COPTPA Edisi Kedua bertarikh 31 Disember 2020.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pelaksanaan dan pematuhan terhadap COPTPA adalah terpakai kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan Penyedia TVET dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh serta permohonan Penilaian Semula program TVET **berkuat kuasa 1 Februari 2020**. Ini turut melibatkan penilaian akreditasi program TVET oleh Ahli Panel Penilai TVET (APV).

3. Sejak penguatkuasaan COPTPA, MQA menerima maklum balas daripada pihak berkepentingan berkaitan keperluan mewujudkan tempoh transisi bagi pematuhan ke atas beberapa Standard TVET dalam COPTPA. Ini berikutan terdapat keperluan PPT dan Penyedia TVET untuk menyediakan perancangan yang rapi terutamanya dari aspek kewangan, masa dan tenaga pengajar. Standard TVET dalam COPTPA yang dirujuk adalah seperti berikut:

- i) Bidang 4 – Tenaga Pengajar
  - a) Standard TVET menyatakan bahawa PPT dan Penyedia TVET perlu membuat pengambilan tenaga pengajar selaras dengan ketetapan minimum yang dinyatakan dari aspek:
    - kelayakan akademik
    - pengalaman industri
    - kompetensi mengajar

- b) Standard TVET menyatakan bahawa PPT dan Penyedia TVET perlu mewajibkan semua tenaga pengajar dalam perkhidmatan untuk mengambil bahagian dalam latihan sangkutan perindustrian untuk tempoh kumulatif satu bulan dalam setiap dua tahun.

ii) Bidang 5 – Sumber Pendidikan

Standard TVET menyatakan bahawa PPT dan Penyedia TVET mesti menyediakan kemudahan fizikal dan sumber latihan yang mencukupi, relevan dan sesuai pada permulaan program untuk memastikan penyampaian yang efektif termasuk kemudahan untuk program berasaskan praktikal dan bagi mereka yang mempunyai keperluan khas.

4. Berdasarkan penelitian MQA ke atas kekangan yang dihadapi oleh PPT dan Penyedia TVET, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 3/2020 bertarikh 10 November 2020 telah bersetuju agar pematuhan ke atas Standard TVET yang dinyatakan pada Perkara 3 boleh dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun tertakluk kepada perancangan PPT dan Penyedia TVET masing-masing. **Pematuhan sepenuhnya ke atas Standard TVET tersebut berkuat kuasa pada tahun 2026.**

5. PPT dan Penyedia TVET dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan jaminan kualiti program TVET dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Tingkat 7-8, Blok D4  
Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62530 W.P. PUTRAJAYA**
5. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
6. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
7. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

8. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
**81310 SKUDAI, JOHOR**
9. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
10. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Karung Berkunci 36  
**16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN**
11. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**
12. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
13. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
14. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**